

## IKLAN

1

**CONTOH JALAN CERITA DRAMA:**

Kisah masyarakat di rumah pangsa yang ramah-tamah dan benci akan kacau-bilau dan keadaan porak-peranda. Mereka bersatu menempuhi warna-warni kehidupan.

**Acara Drama Pendek Patriotik**

1. Tema persembahan ialah jati diri dan nilai patriotik sebagai rakyat Malaysia.
2. Peserta perlu memastikan karya-karya mereka asli dan tidak menyentuh sensitiviti kaum dan agama.
3. Jawatankuasa pertandingan berhak membatalkan penyertaan jika berlaku peniruan karya secara besar-besaran.
4. Pelakon drama mestilah tidak melebihi 15 orang.
5. Juri akan meneliti aspek bantu-membantu setiap pelakon dan kepelbagaian kaum dalam persembahan. Kedua-dua elemen ini mesti dititikberatkan.
6. Alat-alat muzik, hiasan pentas dan pakaian disediakan sendiri oleh peserta.
7. Untuk maklumat lanjut, boleh hubungi urus setia menerusi talian 011-2345678.

## IKLAN

2

**CONTOH SENI KATA BORIA:**

Marilah sahabat dan teman-teman Bersatu tampilkan jiwa warganegara Semangat setia kawan kita serlahkan Tunjuk kecekan dan jiwa membara

**Acara Boria Jiwa Warganegara**

1. Tema persembahan ialah semangat kewarganegaraan.
2. Semasa dalam berbalas-balas kata, peserta tidak boleh membangkitkan isu-isu sensitiviti kaum dan agama.
3. Setiap ahli kumpulan mestilah tidak melebihi 20 orang.
4. Seni kata lagu mempunyai nilai-nilai murni dan amalan-amalan baik. Pergerakan-pergerakan dalam boria hendaklah sopan dan beradab.
5. Persembahan mestilah dalam dua bahagian, iaitu pengenalan (sketsa lawak jenaka) dan persembahan (nyanyian).
6. Alat muzik, hiasan pentas dan busana-busana peserta disediakan sendiri oleh peserta.
7. Untuk maklumat lanjut, boleh hubungi urus setia menerusi talian 011-2345678.

**A. Baca petikan di atas, kemudian senaraikan kata ganda dalam ruangan yang disediakan.**

Kata ganda penuh

Kata ganda berimbuhan

Kata ganda berentak

**B. Lengkapkan ayat di bawah menggunakan kata ganda yang telah disenaraikan di atas.**

1. Penduduk kampung ini sungguh \_\_\_\_\_ kerana sering bertegur sapa.
2. Suasana di kawasan perkelahan itu menjadi \_\_\_\_\_ apabila hujan turun secara tiba-tiba.
3. Pelukis itu telah banyak menghasilkan \_\_\_\_\_ seni yang menarik.
4. Majlis perkahwinan kakak saya telah berlangsung secara \_\_\_\_\_.
5. Kita perlu mengamalkan sikap saling \_\_\_\_\_ agar keharmonian negara sentiasa terpelihara
6. Cikgu Ramli mengingatkan kepada semua murid agar menggunakan \_\_\_\_\_ muzik yang dipinjamkan dengan cara yang betul dan berhemah.
7. Polis dan penjenayah itu \_\_\_\_\_ tembakan dalam satu kejadian rompakan di sebuah kedai emas.
8. Rumah tangga Puan Siti dan Encik Ikram \_\_\_\_\_ kerana masalah sikap yang sering ditimbulkan oleh anak mereka.
9. \_\_\_\_\_ datuk dan nenek saya telah lama meninggal dunia.
10. Sebagai rakyat Malaysia yang prihatin kita perlu sentiasa mengamalkan \_\_\_\_\_ murni dalam diri.